



PENGGULUNGAN PERBAHASAN BAJET 2021

ISU RASUAH

**FOKUS SPRM UNTUK MENGURANGKAN
KETIRISAN DALAM PEROLEHAN AWAM**

1 Menerusi Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023, 16 inisiatif Kerajaan untuk menambahbaik sistem perolehan awam dilaksanakan.

2 Peruntukan Akta SPRM 2009 (Akta 694) - menjalankan siasatan tanpa mengira ideologi politik, pangkat dan individu terlibat. Siasatan oleh SPRM tidak membezakan mana-mana pihak.



PENGGULUNGAN PERBAHASAN BAJET 2021

ISU PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

1 PENGENDALIAN PROSIDING MAHKAMAH SEMASA PANDEMIK COVID-19

Pindaan Seksyen 15A Akta Mahkamah 1964 [Akta 91] berkuat kuasa pada 22 Okt 2020 membenarkan prosiding sivil/jenayah dijalankan secara dalam talian melalui :

- Sistem e-Review
- e-mel
- pendengaran kes melalui sidang video

2 HUKUMAN KESALAHAN-KESALAHAN KECIL

Kuasa menjatuhkan hukuman adalah atas budi bicara Kehakiman Hakim/Majistret yang mengadili kes dan bebas membuat keputusan selagi mana ia dibuat berdasarkan prinsip penghukuman serta selaras dengan peruntukan undang-undang.

3 PERUNTUKAN BAHAGIAN PENDAKWAAN, JABATAN PEGUAM NEGARA

Penurunan 37% Peruntukan Aktiviti Pendakwaan kepada RM9,802,600.00 (2021) berbanding RM15,500,900.00 (2020) setelah mengambil kira pengurangan peruntukan Emolumen 150 jawatan tambahan Pegawai Undang-Undang Gred L41 yang diluluskan secara pukal oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 2019. Bagi 2021, kesemua perjawatan terbabit ditempatkan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri (PPUUN) dan Pejabat AGC Cawangan.

Pengurangan menerusi Perkhidmatan dan Bekalan (OA20000) sebanyak RM23,800.00 dijangka tidak menjejaskan operasi keseluruhan Aktiviti Pendakwaan.

PENGGULUNGAN PERBAHASAN BAJET 2021

ISU PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

HUKUMAN ALTERNATIF BAGI MENGURANGKAN JUMLAH PESALAH KES KECIL DI PENJARA

- **Kompaun**
- **Denda setimpal dan mampu dijelaskan pesalah**
- **Tempoh reman diambil kira sebagai hukuman**
- **Menjatuhkan hukuman alternatif pemenjaraan seperti :**
 - **Perintah Khidmat Masyarakat bagi pesalah muda**
 - **Melepaskan dengan amaran**
 - **Bon berkelakuan baik**
 - **Bon keamanan**
 - **Perintah Kehadiran Wajib**



PENGGULUNGAN PERBAHASAN BAJET 2021 ISU PERKHIDMATAN AWAM

1 PENYERAGAMAN ELAUN PERUMAHAN WILAYAH (EPW) PENJAWAT AWAM

Kadar EPW adalah berdasarkan purata kadar sewa pasaran mengikut lokasi yang diperaku Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan. Penentuan kelayakan kadar berpandukan kepada bandar atau kawasan pejabat pegawai di tempatkan.

2 KAJIAN PENEBUSAN AWAL GANTIAN REHAT (GCR)

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008, jumlah pengumpulan GCR maksimum adalah 150 hari yang boleh dikumpul untuk pemberian wang tunai berkuatkuasa 1 Jan 2009. Kebenaran penebusan awal GCR sedang diteliti dengan terperinci kerana ia akan memberi implikasi setelah pegawai bersara.

3 CADANGAN JASA DAN PR1MA DILETAKKAN DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI

Cadangan JASA dan PR1MA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri akan dibincangkan pada peringkat Jemaah Menteri dengan mengambil kira pelbagai justifikasi.

4 LANTIKAN KETUA PENGARAH JASA

Individu yang dilantik sebagai Ketua Pengarah JASA adalah penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan-peraturan berkuatkuasa.





PENGGULUNGAN PERBAHASAN BAJET 2021 ISU PILIHANRAYA

GARIS PANDUAN PENCEGAHAN COVID-19 BAGI PELAKSANAAN PILIHANRAYA

- Sanitasi premis terlibat berdasarkan garis panduan KKM.
- Kawalan kehadiran di premis dengan mematuhi penjarakan sosial dan merekod kehadiran.
- Saringan suhu badan.
- Penjarakan fizikal.
- Penggunaan *hand sanitizer*.
- Penggunaan sarung tangan getah diwajibkan kepada petugas pilihanraya.
- Penggunaan *face mask* diwajibkan.
- Ceramah, syarahan dan perhimpunan bagi tujuan kempen oleh parti politik tidak dibenarkan.
- Khemah khas untuk memangkah bagi pengundi bergejala di semua pusat mengundi.





PENGGULUNGAN PERBAHASAN BAJET 2021

ISU PARLIMEN

USUL UNDI TIDAK PERCAYA

- Tiada prosedur dalam Perlembagaan atau Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri.
- Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa prerogatif dan boleh memutuskan melalui cara sendiri untuk menentukan jika Perdana Menteri mempunyai sokongan mencukupi.
- Tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 14 dan 15 dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat mengenai susunan Aturan Urusan Mesyuarat bagi mendahulukan Urusan Kerajaan.
- Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mempunyai kuasa dan budi bicara menentukan bila perbahasan usul boleh dibuat dengan mengambil kira urusan Kerajaan.

